

Ucap utama Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi merangkap Menteri Kewangan pada persidangan pelaburan Invest Malaysia 2007 pada 22 Mac lalu

Suasana ekonomi negara meyakinkan

B. Minggu 11/03/07

Dagangan cecah RM1 trilion menonjolkan Malaysia di pentas global

SAYA amat berbesar hati kerana sekali lagi berpeluang menyampaikan ucapan dalam perhimpunan tahunan dengan pelabur, pengurus dana, penganalisis dan pemimpin perniagaan. Tahun ini, kita menyaksikan peningkatan jumlah peserta berbanding tahun lalu, terutama di kalangan pelabur asing. Saya gembira melihat peningkatan penyertaan dalam Invest Malaysia dan ingin mengucapkan selamat datang kepada semua peserta. Saya percaya sambutan menggalakkan ini menggambarkan peningkatan minat dalam pasaran modal di Malaysia dan pembangunan ekonomi negara keseluruhannya.

Walaupun ada antara anda di sini yang baru berhadapan dengan suasana pelaburan Malaysia, namun saya percaya kebanyakan kita yang hadir adalah veteran dalam bidang ini. Sekubangan itu, tentunya anda meletakkan harapan tinggi dalam penganjuran Invest Malaysia. Malah, setiap tahun saya sememangnya menunggu kehadirannya bukan untuk mengumumkan sesuatu, tetapi untuk mengetahui perkembangan dan mentafsir tahap ekonomi negara.

2006 adalah tahun yang memberangsangkan untuk ekonomi Malaysia. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat kepada 5.9 peratus tahun lalu, melepasi sasaran kerajaan iaitu 5.8 peratus, dan lebih tinggi berbanding pertumbuhan 2005 pada 5.2 peratus.

Pertumbuhannya meluas, diterajui sektor pembuatan dan perkhidmatan, manakala sektor pembinaan turut menampakkan perkembangan baik pada suku terakhir tahun lalu selepas mencatatkan penurunan untuk tempoh 10 suku tahun sebelum ini. Memang menggalakkan. Malah, usaha untuk mengiatkan pertanian sebagai penyumbang ekonomi semakin menampakkan hasil apabila ia mencatatkan pertumbuhan 6.4 peratus. Saya juga sungguh berbesar hati untuk menyatakan di sini bahawa sektor bukan perdagangan dalam pertanian juga menunjukkan tanda perkembangan kukuh dengan pertumbuhan kira-kira 5.8 peratus tahun lalu.

Berhubung sektor perdagangan, 2006 mencatatkan beberapa rekod. Jumlah dagangan mencecah RM1 trilion dengan pertumbuhan eksport pada 10.3 peratus menerusi kepelbagaian eksport Malaysia dalam bentuk pasaran dan produk. Peningkatan eksport itu membawa kepada lebih dagangan sebanyak RM109 bilion, yang secara ketubuhan adalah bulan ke-109 negara memperoleh lebih dagangan yang turut membantu menambah rizab antarabangsa kepada AS\$87.3 bilion. Ini bersamaan dengan 8.1 bulan import tertangguh dan 9.1 kali hutang luar jangka pendek negara.

Krisis mata wang Asia pada 1997-1998 baru saja melepasi kita. Isu dan cabaran sepanjang krisis itu sudah ditangani sepenuhnya. Keyakinan mula bertapak kukuh di negara ini. Pelaburan sektor swasta meningkat 9.7 peratus pada 2006, lebih tinggi berbanding 8.5 peratus pada 2005. Pelaburan portfolio merekodkan kemasukan bersih sebanyak RM14.7 bilion pada 2006, berbanding pengaliran keluar RM14.2 pada 2005. Ini seiring pengembangan pasaran saham dan hutang, terutama dalam pelaburan Islam.



WAWASAN NEGARA: Abdullah ketika menyampaikan ucpatama pada persidangan pelaburan Invest Malaysia 2007, minggu lalu.

Pada masa sama, kerajaan terus mengukuhkan asas fiskalnya. Sebelum ini, saya pernah menyatakan antara cabaran paling sukar dihadapi sebagai Perdana Menteri adalah untuk mengurangkan defisit dalam bajet kerajaan. Alhamdulillah, kita berjaya mengawal defisit tanpa menjejaskan pertumbuhan. Defisit perbelanjaan kerajaan adalah pada tahap 3.5 peratus daripada nilai KDNK tahun lalu, lebih baik daripada 5.3 peratus pada 2003.

Mesej di sebalik angka ini jelas menunjukkan Malaysia terus meningkatkan daya saing, mengukuhkan kehadiran di pentas perdagangan global dan meningkatkan nilai rantaian ekonomi. Ringkasnya, banyak alasan positif dan keyakinan dalam suasana ekonomi Malaysia di sebalik naik turun pasaran modal global.

Lebih mudah untuk saya katakan di sini bahawa skop kerja saya ditetapkan mengikut tahun, bukan dagangan hari ke hari. Tetapi sebagai seorang yang berpandangan jauh, saya melihat pencapaian pada 2006 sebagai perkembangan yang baik. Saya melihat keputusannya sebagai hasil daripada benih yang disemai pada tahun sebelum ini. Saya melihat asas di sebalik apa yang disuarakan, saya lihat kerusi yang dilakukan untuk memperbaiki suasa kepentingan asas. Sememangnya saya melihat kesinambungan penambahbaikan di seluruh negara dalam kita terus memberi nilai tambah terhadap pencapaian kita.

Asas penting yang kita laksanakan adalah untuk membenarkan dan membolehkan sektor swasta menjadi peneraju utama dalam ekonomi negara. Matlamat utama kerajaan adalah meningkatkan pelaburan sektor swasta, matlamat yang melambangkan strategi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Satu daripada teras penting RMK-9 adalah untuk meningkatkan peluang kepada pelaburan baru dengan mewujudkan dan mengukuhkan lokasi baru. Langkah ini jelas seiring dengan pelancaran Wilayah Pembangunan Iskandar atau WPI di Selatan Johor, yang akan diikuti dengan Wilayah Ekonomi Koridor Utara, Timur, Sabah dan Sarawak.

Pembukaan wilayah baru ekonomi ini secara sistematik tentunya akan mengubah negara ini. Potensi yang sebelum ini tidak disedari akan menjadi industri dan perniagaan baru, selain membentuk nilai dan pekerjaan baru.

Bagi membuktikan komitmen kerajaan, lebih RM4 bilion diperuntukkan sepanjang RMK-9 untuk pembangunan infrastruktur WPI. Ia untuk infrastruktur seperti lebuh raya baru sistem pembedungan dan pembersihan sungai, selain mengukuhkan keselamatan di wilayah itu. Potensi semula jadi di wilayah itu yang diperkukuhkan menerusi komitmen kerajaan sudah mula menarik minat pihak tertentu. Kumpulan pertama pelaburan kira-kira RM4 bilion ketika ini pada peringkat akhir pertimbangan. Dijangka minat untuk melabur di wilayah ini akan meningkat dengan pengumuman pakej sokongan dan insentif khas untuk wilayah ini.

Satu lagi program di bawah pelaburan sektor swasta adalah mengenai syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang sebelum ini banyak diperkatakan. Inisiatif transformasi yang dilaksanakan kerajaan dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC). Berdasarkan kekusutan yang dihadapi keterlaluan jika GLIC dan GLC, tidak keterlaluan ketika saya katakan menjadi satu beban yang besar bagi memulihkan entiti bersejarah yang begitu besar sambil memerangi tohmahan dan kritikan. Ini bukan tugas bagi seseorang yang lemah semangat.

Sekubangan itu, saya gembira melihat usaha yang dilaksanakan mula menampakkan hasil. Angkanya menunjukkan GLC sebagai kumpulan yang membuktikan pencapaian lebih baik berbanding 2004 apabila program itu bermula. Kebanyakan GLC berjaya sama ada mencapai atau melepasi tahap Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Pasaran yang mewakili sebahagian besar daripada anda yang hadir hari ini, juga menunjukkan maklum balas positif. Semua 20 GLC mencatatkan pulangan kepada pemegang saham sebanyak 71.8 peratus sejak Mei


PETIKAN

“Keyakinan mula bertapak kukuh di negara ini. Pelaburan sektor swasta meningkat 9.7 peratus pada 2006, lebih tinggi berbanding 8.5 peratus pada 2005”

“Saya melihat pencapaian pada 2006 sebagai perkembangan yang baik. Saya melihat keputusannya sebagai hasil daripada benih yang disemai pada tahun sebelum ini”

“Satu daripada teras penting RMK-9 adalah untuk meningkatkan peluang kepada pelaburan baru dengan mewujudkan dan mengukuhkan lokasi baru”

“Saya gembira melihat usaha yang dilaksanakan mula menampakkan hasil. Angkanya menunjukkan GLC sebagai kumpulan yang membuktikan pencapaian lebih baik berbanding 2004”



“ Dalam melaksanakan perubahan, sama ada pada kadar segera atau jangka panjang, pendirian kerajaan berpandukan kepada lima teras Misi Nasional dan kita dipandu oleh matlamat keseluruhan dalam mencapai Wawasan 2020”

Transformasi GLC strategi kuasai pasaran serantau

Terbitan bon, penggabungan rancakkan dagangan ekuiti

B. Manjju m/12

DARI MUKA 11 25/3/07

2004, mengatasi prestasi Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) sebanyak 4.1 peratus. Nilai pasaran untuk 20 syarikat ini juga meningkat kepada RM83 bilion.

Kita melihat GLC seperti CIMB, Tenaga Nasional dan TM mencatatkan rekod dalam pendapatan korporat, manakala yang lain seperti Penerbangan Malaysia mencapai pemulihan operasi yang diharapkan. Penggabungan menarik seperti CIMB dan yang sedang diusahakan membabitkan Synergy Drive akan menyediakan penyatuan diperlukan bagi mewujudkan syarikat gergasi serantau.

Kisah transformasi GLC belum berakhir, malah ia baru bermula. Bagaimanapun, kita mempunyai sebab untuk berasakan adanya perkembangan positif daripadanya dan pengiktirafan perlu diberi kepada mereka yang bekerja keras untuk membawa perubahan.

Sementara itu, ukuran terdahulu yang diumumkan pada Invest Malaysia juga menunjukkan impak positif. Pelaksanaan asas peraturan yang mewajibkan pengiktirafan diterima baik tanpa menggugat penguatkuasaan seperti yang digambarkan dalam tindakan tegas Suruhanjaya Sekuriti (SC). Penyampaian perkhidmatan juga bertambah

ETF dengan menjual sebahagian portfolio mereka sebagai pertukaran bagi unit dalam ETF. Secara kolektif, ETF akan mempunyai saiz dana permulaan RM3.5 bilion. Sehubungan itu, saya yakin ETF dapat membantu menambah kecairan dan menggalakkan penyertaan lebih besar pelabur runcit dalam pasaran ekuiti negara.

Selain memperbaiki pasaran modal, kerja dan tumpuan kepada sektor utama ekonomi masih diteruskan. Dalam melaksanakannya, pendekatan kerajaan adalah untuk memberi tumpuan dalam menyediakan persekitaran yang dapat menarik sektor swasta baru dan FDI. Penekanan akan diletakkan pada projek atau industri yang akan bertindak sebagai pemangkin kepada perluasan dan pelaburan berikutnya di wilayah berkenaan.

Sehubungan itu, ingin saya umumkan bahawa kerajaan menawarkan pakej insentif baru, bermula dengan zon tertentu di Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI). Ia akan menjadi pakej insentif pertama diumumkan untuk WPI. Syarikat yang layak dalam enam sektor, terutama industri kreatif, perkhidmatan pendidikan, penasihat dan perunding kewangan, penjagaan kesihatan, perkhidmatan berkaitan pelancongan dan logistik yang layak untuk insentif fiskal berikut:

tanah dan kewangan.

Keputusan ini adalah antara pelan tindakan segera yang disediakan bukan saja untuk meningkatkan, malah mempermudah pelaburan di Malaysia. Pada masa sama, langkah penting jangka panjang bagi meningkatkan iklim pelaburan keseluruhan, kekal. Dalam konteks ini, penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam akan terus menjadi matlamat penting. Pada 13 April 2007, saya akan membuat satu pengumuman penting mengenai langkah penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang berkaitan pihak berkuasa tempatan (PBT). Sebagai tambahan, pasukan petugas khas bagi memudahkan urusan perniagaan yang ditubuhkan baru-baru ini atau Pemudah akan memberi kesan terhadap perubahan fasa pertama dalam tempoh enam bulan.

Pelaburan dan pertumbuhan juga akan meningkat bergantung kepada keupayaan mendapatkan modal insan berkualiti tinggi. Bagi tujuan ini, kerajaan sudah melancarkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan yang dirancang bagi meningkatkan kapasiti intelektual, kreativiti serta nilai di kalangan generasi muda kita. Kerajaan juga akan memastikan sektor industri dan bidang aka-

penyampaian perkhidmatan juga diambil baik di SC, di mana lebih separuh daripada tempoh untuk meluluskan permohonan penyenaraian dan terbitan. Pengenalan broker asing juga menyumbang kepada peningkatan standard industri, manakala kerangka pelaburan domestik mendorong kepada pembentukan entiti berdaya saing tempatan. Pengenalan jualan singkat terkawal dan pinjaman sekuriti menunjukkan komitmen dalam memastikan pasaran sekuriti Malaysia mencapai standard kualiti pasaran.

Keberkesanan dan daya saing pasaran modal Malaysia adalah satu keutamaan dan beberapa langkah baru sudah dan akan dilaksanakan untuk mencapai matlamat ini. Bursa Malaysia akan memperkenalkan peraturan baru untuk membolehkan dan mengawal akses pasaran langsung yang akan membaiki keberkesanan dagangan dan meningkatkan nilai tambah kegiatan dagangan di bursa itu. Tambahan lagi, untuk meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa, sukacita ingin saya umumkan bahawa SC dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Dubai akan mewujudkan kerjasama untuk mewujudkan urus niaga rentas sempadan dalam pasaran dana Islam di antara Malaysia dan Dubai.

Bagi meningkatkan kadar kecairan dalam pasaran ekuiti, kerajaan akan meneruskan program untuk mengurangkan pegangannya dalam GLC yang mempunyai tumpuan tinggi dalam pemilikan berkaitan kerajaan. Bagi mengelakkan gangguan pasaran secara besar-besaran dan membenarkan strategi diperkemaskan, proses ini akan dilaksanakan secara teratur menerusi gabungan tawaran kepada pelabur dikenal pasti dan komitmen penjualan berstruktur seperti melalui terbitan bon boleh tukar saham Plus dan TM yang dilaksanakan Khazanah baru-baru ini.

Sukacita ingin saya umumkan pembentukan Dana Dagangan Pasaran (ETF), yang akan disenaraikan di Bursa Malaysia menjelang akhir tahun ini. GLIC akan menyertai

layak untuk dilaksanakan.

- Pengecualian cukai korporat untuk kegiatan sekitar zon dan luar Malaysia untuk tempoh 10 tahun bermula pelaksanaan operasi, dan

- Pengecualian daripada cukai pegangan bagi pembayaran tertentu untuk 10 tahun, mulai pelaksanaan operasi, dengan syarat, operasi berkenaan bermula sebelum akhir 2015.

Syarikat yang layak akan menikmati:

- Pengecualian daripada peraturan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC);

- Diberi kebebasan mendapatkan modal dari seluruh dunia; dan

- Tiada had pengambilan kakitangan warga asing dalam zon yang dibenarkan.

Maklumat terperinci berhubung pakej insentif dan sokongan ini akan diumumkan Pihak Berkuasa Pembangunan WPI (Irda).

Dengan pertumbuhan hab komersial lain di seluruh dunia, persaingan pelaburan global akan meningkat mendadak. Oleh itu, kerajaan akan terus mengkaji semula pakej insentif ini bagi memastikan WPI dapat mengekalkan daya saingnya.

Selain bergerak ke hadapan melalui WPI, kerajaan sudah mengambil satu daripada pelbagai langkah konkrit meningkat aliran masuk dan transaksi ke dalam sektor hartanah negara. Sebagai contoh, pengecualian peraturan FIC bagi membolehkan rakyat asing membeli unit kediaman di bawah RM250,000 tanpa perlu mendapat kelulusan FIC diterima positif. Berdasarkan maklum balas diterima, kerajaan negeri juga diberitahu supaya menyediakan pengecualian sama bagi pembelian hartanah kediaman.

Dalam melangkah ke hadapan bagi meningkatkan sektor hartanah negara, kerajaan sudah membuat keputusan tidak mengenakan cukai keuntungan hartanah di seluruh negara berkuat kuasa 1 April 2007. Ini berita yang sudah lama dinanti-nantikan pemaju serta pelabur dan saya berharap ia akan menyuntik lebih rangsangan dan dinamisme dalam kedua-dua sektor iaitu har-

demik digabung pada peringkat tertiar dan graduan kita dibekalkan dengan kemahiran yang dituntut pasaran. Tugas untuk meningkatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta inovasi dalam negara akan diperhebatkan.

Dalam melaksanakan perubahan, sama ada pada kadar segera atau jangka panjang, pendirian kerajaan berpandukan kepada lima teras Misi Nasional dan kita dipandu oleh matlamat keseluruhan dalam mencapai Wawasan 2020. Ini memerlukan maklumat perspektif masa lampau sesuatu negara dan hala tuju serta aspirasinya untuk masa depan. Ia juga memerlukan satu perasaan kuat terhadap komitmen dalam usaha membina negara bangsa.

Dalam kata lain, ia tugas kerajaan yang bersifat jangka panjang – dengan perancangan jangka panjang dan pelaksanaan yang juga dalam tempoh yang panjang. Sebagai sebuah kerajaan dipilih sejak negara nengcapi kemerdekaan pada 1957, tugas itu menjadi tanggungjawab bersama semua kita. Kita akan terus bekerja keras untuk menunaikan apa dijanjikan kepada rakyat.

Pun begitu, mencapai Wawasan 2020 adalah satu perjuangan yang panjang, bukan dalam masa singkat. Dengan pelaksanaan efektif dan berterusan, saya pasti kita akan berjaya melalui peristiwa penting demi peristiwa penting sepanjang perjalanan kita. Dalam konteks ini, saya percaya tahun 2007 akan menjadi satu lagi tahun kejayaan buat Malaysia, insyaAllah. Ketika negara sudah 50 tahun merdeka serta Tahun Melawat Malaysia, 2007 mempunyai banyak makna dan janji dalam pelbagai tahap. 2007 juga bakal menjadi batu loncatan penting serta bakal menetapkan corak bagi pertumbuhan dan perubahan pada masa depan. Kita tegas dalam perkara ini. Kita mempunyai hala tuju, kita mempunyai keazaman dan kita tekad mengekalkan hala tuju ini dan terus menuju ke depan.

“Bagi meningkatkan kadar kecairan dalam pasaran ekuiti, kerajaan akan meneruskan program untuk mengurangkan pegangannya dalam GLC yang mempunyai tumpuan tinggi dalam pemilikan berkaitan kerajaan”